

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 24 April 2016 8:33
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: RALAT: IPQ & UUM CAS PACU PELAN STRATEGIK FASA II: 2016-2020



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



24 APRIL 2016/ 16 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ & UUM CAS PACU PELAN STRATEGIK FASA II: 2016-2020



IPQ ONLINE: Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti dan UUM CAS telah mengadakan (Roadshow) Taklimat Pelan Strategik UUM Fasa II: 2016-2020 pada 21 April 2016. Taklimat yang diadakan di Seminar A, Kompleks Konvensyen, Universiti Utara Malaysia ini telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Hilman bin Abdullah, Pengarah Institut Pengurusan Kualiti (IPQ).

Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan kepada ahli akademik tentang Pelan Strategik UUM Fasa II: 2016-2020 khususnya tentang petunjuk prestasi (*performance indicator*) tenaga akademik yang terdiri daripada tiga komponen iaitu Penyelidikan, Penerbitan dan Perundingan.

Menurut Prof. Madya Dr. Haim, "65% KPI Pelan Strategik Fasa Pertama berjaya dicapai dan sewajarnya kita bersyukur walaupun berjaya mencapai peratusan tersebut kerana sasaran yang ditetapkan untuk setiap KPI adalah tinggi dan mencabar. Namun demikian perjuangan harus kita teruskan khususnya di Fasa II (2016-2020). Secara khususnya pelan strategik universiti kita terdiri daripada 4 Teras Strategik, 6 Bidang Keberhasilan Utama (KRAs), 12 Strategi, 16 Inisiatif Prestasi Utama (KPI) dan 219 Petunjuk Prestasi (PIs)."

"Marilah kita pastikan diri kita dan generasi kita menjadi generasi terbaik atau generasi emas UUM. Generasi emas memangkin kecemerlangan UUM sehingga memungkinkan akan perkara yang ramai orang kata tidak boleh. Semasa kita berkhidmat di UUM kita tidak menyaksikan universiti kita berada dalam kelompok 100 terbaik dunia, jadi kita berasa sedih dan kesal kerana saya yakin suatu hari nanti universiti kita ini pasti akan berjaya untuk meneruskan dirinya dikedudukan hebat, selagi kita dan generasi selepas kita terus gigih berusaha. Mudah-mudahan berkesempatan untuk membaca berita di dada-dada akhbar akan kejayaan universiti kita berada dalam kelompok 100 terbaik dunia walaupun pada ketika itu kita sudah bersara" tambah beliau lagi.

Pelan Strategik Fasa II dirangka untuk mencapai sasaran agenda utama universiti khususnya *Research University of Social Sciences* (RU), *Rankings* dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia - Pengajian Tinggi (PPPM-PT).

Turut hadir pada taklimat Pelan Strategik UUM Fasa II ialah Professor Dr. Norshuhada Shiratuddin, Penolong Canselor, UUM CAS dan juga Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts & Sciences, Prof. Madya Dr. Soaad Syed Yahaya, Dekan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Prof. Madya Dr. Huda Hj Ibrahim, Dekan Pusat Perkomputeran, barisan pengurusan pusat pengajian dan tenaga akademik UUM CAS. Hadir sama pada sesi taklimat Dr. Mazni Omar, Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ).

Tamat.

=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUS. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 4675
FAKS : 04 - 928 4660
E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>

